

# PROGRAM UBAHSUAI PUSAT SUMBER SEKOLAH SMAKK

pGURU dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Negeri Sabah telah menganjurkan program pengubahsuaian pusat sumber sekolah bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu (SMAKK). Program bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa kepada fungsi dan kepentingan pusat sumber sekolah seterusnya merasai sendiri pengalaman mengurus pusat sumber sekolah. Selain itu, program juga memberi fokus kepada usaha mewujudkan persekitaran pendidikan lebih kondusif dan informatif di pusat sumber sekolah sebagai langkah menarik minat pelajar mengunjungi dan menggunakan bahan pelajaran secara optimum. Program tersebut dilaksanakan dalam dua fasa dan dipengerusikan oleh saudara Desmond AK Sandum. Fasa pertama program berlangsung pada 28 Februari dann 1 Mac 2009 manakala, fasa kedua dijalankan antara 7 dan 8 Mac 2009. Dr. Sabariah Sharif selaku penyelaras program turut turun padang memantau dan berkongsi idea sepanjang pelaksanaan program. Hasil program mendapat maklum balas amat mengalakkan daripada pengurusan dan pelajar SMAKK. Majlis perasmian penutupan program disempurnakan oleh Prof. Madya Dr Mohd Yusof Abdullah, Timbalan Dekan Akademik dan HEP, SPPS bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, Universiti Malaysia Sabah. Sebagai makluman, program sama turut dilaksanakan di beberapa buah sekolah sekitar Kota Kinabalu iaitu SMK Tun Fuad, SMK Kolombong dan SK Penampang.

